

PM: Negara kehilangan tokoh kemerdekaan

UM - 20/11/2006

HANOI 19 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, negara kehilangan seorang tokoh kemerdekaan yang telah banyak menabur bakti serta berkhidmat cemerlang kepada bangsa dan agama dengan pemergian Tan Sri Mohamed Khir Johari ke rahmatullah hari ini.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia amat menghargai segala jasa bekas Menteri Pelajaran itu kepada negara dan rakyat, sepanjang perkhidmatannya dalam kerajaan dan pelbagai persatuan yang disertainya.

"Saya rasa sedih kerana seorang yang saya kenali dan berjasa telah meninggal dunia. Allahyarham sepanjang hayatnya telah berkhidmat kepada negara dan bangsa dengan begitu cemerlang sekali.

"Allahyarham adalah anak watan yang berjaya sebagai seorang pemimpin kerajaan dan kemudiannya dalam masyarakat kerana beliau begitu aktif dalam beberapa pertubuhan.

"Kita semua amat menghargai jasanya yang telah dilakukannya untuk Malaysia, pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

"Kita juga mengucapkan takziah kepada keluarganya dan berharap mereka bersabar menghadapi kehilangan orang tersayang," katanya.

Perdana Menteri berada di sini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ke-14 di Pusat Konvensyen Kebangsaan Vietnam, yang berakhir hari ini.

- Utusan